

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN WONG KAH WOHO [ IPOH TIMUR ]****SOALAN NO. 502**

**TUAN WONG KAH WOHO [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang telah dilaburkan oleh Kerajaan dalam Dana Infrastruktur ASEAN (AIF) mengikut pecahan bagi setiap tahun sejak penubuhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Dana Infrastruktur ASEAN (*ASEAN Infrastructure Fund - AIF*) telah diperbadankan pada 24 April 2012 sebagai sebuah syarikat terhad dengan syer di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. AIF merupakan satu inisiatif ASEAN untuk menggalakkan pembangunan projek infrastruktur di rantau ini dengan memanfaatkan simpanan serantau bagi membiayai projek infrastruktur di negara anggota ASEAN.

2. Sehingga kini, Kerajaan Malaysia telah melabur sejumlah USD150,000,000 dalam AIF dengan pembayaran dalam tiga (3) peringkat seperti berikut:

<b>Nombor Sijil</b>	<b>Tarikh Bayaran</b>	<b>Jumlah dalam USD</b>
001	24 April 2012	1
003	31 Oktober 2012	49,999,999
018	2 Julai 2013	50,000,000
024	30 Jun 2014	50,000,000
<b>Jumlah Saham Malaysia dalam AIF</b>		<b>150,000,000</b>